

RESEARCH ARTICLE

PENEROKAAN KONSEP INDIVIDUALISME DAN KOLEKTIVISME DALAM MENCAPAI KEGEMBIRAAN

(Exploring Individualism and Collectivism Concept in Achieving Happiness)

Abdul Rashid Abdul Aziz¹, Muhammad Nubli Abdul Wahab², Sabihah Johan³, Amin Al Haadi Shafie¹, Nur 'Ain Mustafar¹

¹Faculty of Leadership and Management, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Malaysia

²Center for Human Sciences, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah, Lebuhr Persiaran Tun Khalil Yaakob, 26300 Pahang, Malaysia

³School of Education & Social Sciences, Management & Science University, 40100 Shah Alam, Malaysia

ABSTRACT - Happiness is an important element in human's life. In the era of globalization and economic acceleration, humans are exposed to the pressures of work, self-status achievement and relationship problems with others. Happiness becomes a medium that can improve the well-being of human psychological elements. In achieving this desire, cultural elements become an important factor. Therefore, this study aims to explore the influence of culture through the construct of individualism and collectivism on individual happiness. This is a qualitative study using a scoping review method. Study revealed that constructs of individualism and collectivism that exist in a person's culture will affect their self-achievement and further determine aspects of the individual's happiness. Thus, understanding this cultural concept is significant in understanding human needs and desires to achieve happiness. Furthermore, it can be used as a guideline and basis in helping relationships and the development of policies related to increasing social mobility and the quality of human life.

ABSTRAK - Kegembiraan merupakan elemen penting yang menjadi tumpuan dan matlamat manusia pada hari ini. Dalam era globalisasi dan kepesatan ekonomi, manusia tidak terkecuali menerima tempas tekanan dalam pekerjaan, pencapaian status diri dan masalah perhubungan dengan orang lain. Oleh yang demikian, kegembiraan menjadi medium yang dapat meningkatkan kesejahteraan elemen psikologi manusia. Dalam mencapai hasrat ini, elemen budaya menjadi faktor penting. Justeru, kajian ini bertujuan untuk melihat pengaruh budaya melalui konstruk individualisme dan kolektivisme terhadap kegembiraan individu. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian skop. Dapatan kajian mendapati bahawa konstruk individualisme dan kolektivisme yang wujud dalam budaya seseorang itu akan mempengaruhi pencapaian sendiri mereka dan seterusnya menentukan aspek kegembiraan individu tersebut. Justeru, pemahaman terhadap konsep budaya ini adalah signifikan dalam memahami keperluan dan hasrat manusia bagi mencapai kegembiraan. Seterusnya, ia dapat dijadikan sebagai garis panduan dan asas dalam perhubungan menolong dan pembentukan dasar yang berkaitan dengan peningkatan mobiliti sosial dan kualiti hidup manusia.

ARTICLE HISTORY

Received : 04th June 2024
Revised : 27th Aug, 2024
Accepted : 30th Oct. 2024
Published : 29th Nov. 2024

KEYWORDS

Individualism
Collectivism
Culture
Happiness

KATA KUNCI

Individualisme
Kolektivisme
Budaya
Kegembiraan

PENDAHULUAN

Kajian berkaitan tingkah laku dari sudut budaya menjadi penting dalam memahami manusia (Benedict, 2019). Menurut Tseng dan Hsu (2018), konsep budaya yang luas telah diperkembang dan dianggap sebagai elemen yang mempengaruhi sikap, nilai, gaya dan tingkah laku individu mahupun kelompok. Konstruk budaya yang menjadi perhatian secara empirikal adalah konstruk individualisme dan kolektivisme (Fatehi, Priestley, & Taasobshirazi, 2020). Pelbagai elemen budaya yang dapat diketengahkan antaranya ialah konsep individualisme dan kolektivisme. Konsep ini memainkan peranan penting pada manusia dalam mencapai kejayaan dan kepuasan hidup secara subjektif. Akin dan Whillans (2021) menyatakan "kegembiraan" merupakan pengalaman subjektif dan manusia yang mengalami kegembiraan akan berterusan menikmatinya. Selain itu, para sarjana cenderung berpendapat bahawa kegembiraan sebagai kesejahteraan psikologi manusia (*psychological well-being*). Selain itu, antara elemen lain yang diukur untuk melihat kesejahteraan subjektif ialah elemen kebahagiaan, kepuasan dan kualiti kehidupan (Nik Shahrizan, Marzudi, dan Muhammad Shamsinor, 2021). Oleh yang demikian, konsep individualisme dan kolektivisme ini telah dikaitkan dengan hasrat manusia dalam mencapai kegembiraan dalam hidup (Diener et al., 1995).

Perbahasan berkaitan kegembiraan manusia dari perspektif budaya tertumpu menerusi dua dimensi; iaitu individualisme dan kolektivisme. Kedua-dua istilah ini dikaitkan dengan budaya masyarakat yang menentukan kegembiraan mereka. Budaya individualisme dilihat lebih berfokus kepada individu manakala budaya kolektivisme lebih menekankan kepada kepentingan kelompok yang akhirnya menyumbang kepada kegembiraan individu (Nickerson, 2021). Di samping itu, Wang et al., (2019) menyatakan bahawa kegembiraan dalam budaya individualisme diperolehi dari ekspresi komponen afektif iaitu emosi dan pencapaian hasrat sendiri atau matlamat individu yang melahirkan kepuasan individu, manakala kegembiraan dalam budaya kolektivisme pula menekankan pengaruh dari beberapa elemen lain seperti keluarga, kejiranan, dan hubungan sosial (Steel, Taras, Uggerslev dan Bosco, 2018). Secara tidak langsung, konsep individualisme dan kolektivisme memberi gambaran penting menentukan kegembiraan hakiki setiap manusia. Manusia dijadikan unik, memiliki nilai, dan pandangan peribadi berbeza. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk melihat kepentingan konsep individualisme dan kolektivisme dalam mencapai kegembiraan, dan meninjau sejauh mana budaya individualisme dan kolektivisme mempengaruhi nilai hidup seseorang itu.

Veenhoven (1999) mendapati majoriti negara dunia ketiga kurang mengamalkan konsep individualisme untuk mencapai kegembiraan, manakala negara dunia pertama mengamalkan konsep individualisme positif untuk mencapai kegembiraan yang lebih berorientasikan pencapaian diri. Selain daripada matlamat yang berorientasikan diri ini, pencapaian matlamat lain di dalam hidup seseorang itu juga akan meningkatkan kegembiraannya (*hedonic satisfactions*). Hal ini kerana, beberapa elemen lain seperti aktiviti dan tingkahlaku manusia seperti bersyukur dan berfikiran optimis merupakan komponen psikologi manusia yang mempengaruhi kegembiraan (Compton dan Hoffman, 2019). Selain itu, pekerjaan memainkan peranan penting dalam membentuk kegembiraan individu. Hal ini jelas dilihat apabila individu yang mempunyai pekerjaan lebih menikmati kualiti hidup yang lebih baik berbanding individu yang menganggur. Faktor pekerjaan juga tidak tertakluk dengan jaminan mendapat gaji semata-mata malah melangkaui kepentingan lain seperti matlamat bekerja, status sosial, hubungan sosial yang terjalin dan pengurusan harian (*daily structure*). Kesemua elemen ini memberi kegembiraan kepada individu dalam menjalani kehidupan (De Neve dan Ward, 2017).

Dalam kajian Sing et al. (2015) menjelaskan istilah individualisme dan kolektivisme sebagai satu dimensi budaya dalam sesebuah masyarakat atau organisasi. Negara-negara seperti Amerika Syarikat, United Kingdom dan Australia adalah contoh negara yang mempraktikkan budaya individualisme. Manakala negara yang mengamalkan budaya kolektivisme adalah negara-negara yang berada di Asia seperti India, China, Jepun dan lain-lain. Budaya individualisme menekankan kawalan sendiri berbeza dengan budaya kolektivisme yang mana menekankan pengabdian terhadap kelompok dan sanggup mengetepikan kepentingan diri untuk kebaikan kelompok (Nordin & Singh, 2016). Individu-individu dalam budaya kolektivisme menilai hubungan dengan ahli-ahli dalam kumpulannya (keluarga, suku dan lain-lain organisasi) sebagai penting (Hofstede, 2000). Mereka percaya kumpulan-kumpulan yang dianggotai mereka akan melindungi mereka dan akan memberi bantuan apabila timbulnya kesusahan. Sebagai balasan, individu-individu dalam masyarakat yang berpegang kepada nilai kolektivisme akan setia kepada kumpulan yang dianggotai mereka.

Situasi di Malaysia dengan majoriti penduduk berbilang kaum mempunyai sejarah panjang dan unik. Kemerdekaan Malaysia tercapai hasil permuafakatan pemimpin politik dan tokoh masyarakat pelbagai kaum hasil perjuangan dan pengorbanan tokoh-tokoh terdahulu. Justeru, nilai kolektivisme dalam diri masyarakat amatlah penting dalam menjamin kebahagiaan dan kesejahteraan hidup dapat dicapai. Berdasarkan, statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), kesejahteraan rakyat Malaysia meningkat 2.5 peratus pada 2022 apabila prestasi Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM) mencatatkan 121.2 mata berbanding 118.3 mata pada 2021. Perkara ini disumbangkan oleh pertumbuhan positif dalam kesejahteraan ekonomi dan sosial. Dalam pada itu, bagi meningkatkan nilai perpaduan dan kolektivisme masyarakat Malaysia, kerajaan telah mewujudkan Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) yang digunakan untuk mengukur tahap perpaduan di Malaysia. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Perpaduan Negara (KPN) (2022), IPNas pada tahun 2022 mencatatkan sedikit kenaikan iaitu 0.62 berbanding IPNas pada tahun 2018 yang berada pada 0.57. Walaupun terdapat sedikit kenaikan, namun kedua-dua nilai ini masih menunjukkan bahawa tahap perpaduan di Malaysia masih berada pada tahap sederhana. Kedua-dua indeks ini seharusnya bergerak seiring agar kemakmuran dan kemajuan negara Malaysia dapat dirasai secara bersama. Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat pengaruh budaya melalui konstruk individualisme dan kolektivisme terhadap kegembiraan individu.

SOROTAN LITERATUR

Manusia dijadikan unik dan mempunyai pemikiran dan bebas memilih untuk mencapai kegembiraan masing-masing. Keunikan manusia dilihat dengan kemampuannya mengendalikan sumber bumi dan mencipta teknologi dengan baik dan berkembang pesat (Ismail Ibrahim, 2021). Pada masa yang sama, pembentukan budaya kerja yang merujuk kepada individualisme dan kolektivisme menjadi tunjang kepada faktor penting yang mempengaruhi kegembiraan individu. Menurut Cheng, Rizkallah dan Narizhnaya (2020) individualisme merupakan kepercayaan bahawa individu adalah makhluk yang berbeza dan menjadikannya unik daripada sesebuah kumpulan. Proses dalaman membimbing tingkah laku individu, dengan matlamat untuk mencapai kepuasan diri dan mencungkil potensi diri seseorang. Manakala kolektivisme ditakrifkan sebagai corak sosial yang terdiri daripada sekumpulan individu yang saling berkait rapat di antara satu sama lain. Oleh itu, kolektivisme memperoleh nilai dan norma sosial daripada pembentukan kumpulan tersebut.

Zhang, Jie dan Han (2023) telah mengkaji kecenderungan individualisme dan kolektivisme pelajar kolej cina dan faktor-faktor yang mempengaruhinya mendapati bahawa kolektivisme yang tinggi dikaitkan secara signifikan dengan

sokongan sosial yang kuat dan kecenderungan pro-sosial. Tingkah laku pro-sosial utilitarian mempunyai kesan positif yang signifikan terhadap individualisme. Di samping itu, faktor kekayaan menguatkan individualisme dan melemahkan kolektivisme dengan ketara. Ia menunjukkan bahawa mengejar kepentingan yang berlebihan bukan sahaja mengukuhkan individualisme tetapi juga melemahkan kolektivisme. Manakala, Shadiqi et al. (2022) menjalankan kajian terhadap sukarelawan banjir di Kalimantan Selatan, Indonesia untuk melihat kecenderungan peranan budaya individualisme dan kolektivisme. Dapatan kajian mendapati terdapat hubungan budaya kolektivisme dan efikasi sendiri yang menunjukkan responden mengamalkan budaya kolektivisme untuk membentuk tingkah laku sosial. Kajian lain juga mendapati bahawa penglibatan ibu bapa mewujudkan nilai kolektivisme mempunyai hubungan positif perubahan tingkah laku sosial (pro sosial) dalam diri remaja (Davis et al., 2018).

Sementara itu, budaya kolektivisme di tempat kerja yang melibatkan kesatuan pekerja mempunyai nilai kesepakatan dan kerjasama yang tinggi di antara pekerja. Hal ini ditekankan oleh Mahadirin dan Kee (2022) yang menegaskan bahawa kepentingan budaya kolektif di tempat kerja adalah bertujuan untuk peningkatan prestasi organisasi dan melestarikan kesejahteraan atau keharmonian sesebuah firma. Manakala, individualisme lebih dominan di negara barat kerana negara ini menekankan peranan pilihan individu, kebebasan peribadi, dan *self-actualization*. Sebaliknya, kolektivisme berleluasa di negara membangun kerana negara-negara ini menekankan kewajipan kepada kumpulan, dan menggalakkan individu untuk melibatkan diri dalam kumpulan. Domain individualistik dan kolektivistik adalah dominan kerana mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap tingkah laku pekerja (Etoom, 2022).

Globalisasi menyaksikan masyarakat Jepun mendapat pengaruh dari budaya Eropah-Amerika yang lebih bersikap individualistik. Situasi ini semakin ketara apabila terdapat beberapa syarikat mengenakan bayaran berdasarkan prestasi kerja (*pay-per-performance systems*) mempertingkatkan semangat individualistik dalam masyarakat Jepun. Kesan pengamalan budaya individualisme menyebabkan berlakunya kadar perceraian yang tinggi, kanak-kanak semakin bebas bersosial, penurunan saiz keluarga, dan penurunan kelahiran pasangan berumah tangga (Ogihara dan Uchida, 2014). Manakala menurut Triandis (2011) menyatakan bahawa budaya individualisme dan kolektivisme merupakan dua pola budaya yang berbeza namun terdapat bermacam-macam budaya dari budaya individualisme dan budaya kolektivisme itu sendiri. Misalnya, budaya individualisme di Amerika Syarikat berbeza dengan budaya individualisme di negara Sweden. Keadaan ini bergantung kepada amalan semasa dan nilai dalam sesebuah masyarakat. Budaya individualisme dan kolektivisme terbahagi kepada dua dimensi iaitu *horizontal* dan *vertical* berdasarkan keyakinan individu terhadap kesetaraan atau ketidaksetaraan antara ahli di dalam suatu kelompok budaya. Individu yang mempunyai skor yang tinggi dalam dimensi *vertical* lebih cenderung menerima ketidaksetaraan dan penekanan prestasi, status, hierarki serta perbandingan dengan orang lain dalam sesebuah kelompok. Manakala budaya individualisme menekankan kesetaraan dan nilai-nilai kebebasan tanpa membandingkan diri dengan orang lain (Cozma, 2011).

Devi (2017) mengkaji hubungan budaya individualisme dan kolektivisme terhadap motivasi berbelanja masyarakat Jakarta. Kajian mendapati berbelanja merupakan satu keseronokan atau keseronokan yang diperoleh dari pengalaman berbelanja dan ia menghasilkan perasaan gembira kepada individu tersebut (Kim & Lee, 2013). Kajian ini mendapati bahawa budaya kolektivisme memiliki hubungan yang signifikan terhadap motivasi berbelanja manakala budaya individualisme tidak memiliki hubungan yang signifikan dengan motivasi berbelanja dalam masyarakat kota Jakarta. Berbelanja memberi kepuasan kepada diri sendiri seperti memberi ketenangan dan penghargaan kepada diri sendiri. Dari sudut pandang budaya, berbelanja mempunyai makna yang simbolik, mempunyai hubungan dengan emosi dan kognitif dan makna ini berbeza dari satu budaya dengan budaya yang lain (Kaul, 2007). Menurut Hofstede (2005), Indonesia merupakan negara kolektif yang menekankan hubungan jangka panjang dengan anggota-anggota di dalam kelompok.

Dalam kajian Singh et al. (2015) mendapati bahawa budaya individualisme menekankan daya saing manakala budaya kolektivisme menekankan kerjasama. Sehubungan dengan itu, Fauziah dan Kamaruzaman (2010) mendapati bahawa pengurus Australia mempunyai tahap kepuasan kerja yang jauh lebih tinggi daripada rakan sejawatan mereka di Malaysia. Dalam kajian silang budaya oleh Kim (2014) mendapati bahawa pekerja di negara kolektivisme seperti Malaysia dan Korea melaporkan kepuasan kerja keseluruhan yang lebih rendah. Dengan itu, budaya individualisme dan kolektivisme menjadi indikator penting dalam kepuasan pekerja bidang pengurusan. Sebagai contoh, pekerja yang mempunyai budaya kolektivisme yang tinggi akan menahan diri daripada bersuara dan memberi pandangan serta mematuhi segala arahan organisasi. Ringkasnya, budaya individualisme dan kolektivisme mempunyai peranan yang signifikan dalam menentukan kepuasan kerja dalam kalangan pekerja pengurusan. Pengurus perlu memberi tumpuan kepada nilai dan sikap pekerja bawahan mereka dalam organisasi bagi mengelak tekanan di tempat kerja.

Kim (2014) menerangkan masyarakat Malaysia yang berunsurkan budaya kolektivisme, kurang maskulin, dan mempunyai ciri-ciri budaya berbentuk relativisme yang mana tidak berpegang kepada prinsip atau peraturan sahaja tetapi fleksibel dan terbuka kepada pelbagai keadaan. Kajian ini juga menyatakan sikap pekerja Malaysia ini sebagai pengaruh 'relativisme' yang mengutamakan keadaan dan kumpulan berbanding dengan prinsip atau peraturan secara ketat. Seterusnya, Aziz (2016) menyatakan bahawa budaya kolektivisme sangat diperlukan dalam persekitaran kerja. Tugas yang saling berkait antara ahli dalam kelompok kerja memerlukan anggotanya untuk bersikap kolektif. Tanpa adanya sikap tersebut, ahli dalam organisasi hanya akan peduli dengan tugas masing-masing tanpa menghiraukan rakan sekerja yang yang lain dan tiada komunikasi antara pekerja. Pada umumnya, nilai dalam budaya kolektivisme adalah sama dengan nilai-nilai universal yang lain. Sebagai contoh, sikap membantu, setiakawan, kebersamaan dan toleransi adalah contoh nilai-nilai kolektivisme yang sangat diperlukan dalam persekitaran kerja. Kewujudan budaya ini akan memberi kesan

yang positif kepada pekerja, terutamanya dalam menjaga hubungan interpersonal antara rakan sekerja. Oleh itu, budaya kolektivisme mampu meningkatkan kepuasan dalam bekerja dan juga meningkatkan kebahagiaan individu di tempat kerja.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian skop atau *scoping review*. Analisis kajian skop melibatkan proses yang dirancang untuk menyatukan data mentah ke dalam kategori atau tema berdasarkan kesimpulan dan tafsiran yang sah. Proses ini menggunakan penaakulan induktif, di mana tema dan kategori muncul dari data melalui pemeriksaan teliti dan perbandingan berterusan penyelidik. Menjana konsep atau pemboleh ubah dari teori atau kajian terdahulu juga sangat berguna untuk kualitatif penyelidikan, terutamanya pada permulaan analisis data (Berg, 2001). Pendekatan kajian skop ini adalah berdasarkan 5 kerangka analisis daripada Arksey dan O'Malley's (2005) yang terdiri daripada 6 langkah iaitu; (1) mengenalpasti persoalan kajian, (2) mengenalpasti kajian yang relevan, (3) pemilihan kajian, (4) memetakan data, dan (5) menyusun, meringkas dan melaporkan hasil berdasarkan tema dan kategori kajian, dan akhir sekali (6) menjalankan konsultasi. Di peringkat akhir ini, panel pakar telah dijemput oleh penyelidik untuk memberikan pandangan dan maklum balas tentang dapatan kajian serta mengesahkan dapatan tersebut dari perspektif pendekatan kajian skop (Sucharew & Macaluso, 2019). Tujuan utama adalah untuk mengenal pasti tema atau kategori penting dalam kajian skop untuk memberikan gambaran sebenar tentang realiti sosial yang dibuat oleh tema/ kategori.


Dalam kajian ini, 50 artikel yang menumpukan kepada budaya individualisme dan kolektivisme telah dipilih untuk dianalisis. Artikel-artikel terpilih diperoleh daripada pangkalan data universiti iaitu Academic Search Premier@EBSCOhost yang diterbitkan bermula dari tahun 2010 sehingga Disember 2023. Malah artikel yang relevan dan signifikan dari tahun sebelumnya juga diambil kira. Pengkaji menggunakan kata kunci berikut iaitu individualisme, kolektivisme, budaya dan kegembiraan. Selain itu, pengkaji juga mengenal pasti kata atau frasa lain yang muncul seperti kesejahteraan individu dan menganalisis makna di sebalik setiap satu konsep untuk lebih memahami isu yang dibincangkan. Hanya artikel yang berbentuk akademik dan mempunyai rujukan serta artikel yang telah dinilai oleh pengkaji lain secara ilmiah dipilih dalam kajian ini. Bagi memastikan kebolehpercayaan dan kredibiliti hasil kajian, pengkaji menilai data yang diperoleh dengan mengenal pasti sama ada terdapat persamaan dan perbezaan antara kategori yang terhasil. Artikel yang berbentuk prosiding, tidak lengkap, tidak boleh dimuat turun dan tidak berkaitan dengan skop kajian tidak akan dipilih. Ini dilakukan dengan membaca, menganalisis dan menstrukturkan kandungan yang relevan mengikut topik kajian literatur. Seterusnya, hubung kait antara cadangan atau topik kajian literatur dengan penyelidikan terdahulu dilakukan. Artikel pilihan kemudian dianalisis dan dikategorikan mengikut skop kajian bagi mendapatkan pemahaman yang lebih, mengenai isu berkaitan budaya individualisme dan kolektivisme dalam mencapai kegembiraan.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Konstruk Individualisme dan Kolektivisme dalam Budaya

Rhee, Alexandra dan Powell (2020); Oyserman et al., (2002) dalam Schmidt (2006), menyatakan konsep individualisme dan kolektivisme merupakan konsep yang membentuk pandangan global serta menerangkan perbezaan terhadap diri individu dengan individu yang lain. Selain itu, individualisme ditafsirkan sebagai pandangan yang menetapkan kepentingan utama adalah terhadap pencapaian diri manusia itu sendiri atau berorientasikan manusia (*self-oriented*), dan aspek sosial dan budaya tidak diberi penekanan dan sumbangan besar terhadap diri. Beberapa elemen penting yang mendasari konstruk ini adalah sifat peribadi individu (*personal attributes*), matlamat peribadi dan keunikan peribadi yang menjadi aspek penting, manakala kelompok sosial dan budaya yang besar adalah kurang signifikan dalam pencapaian matlamat diri individu. Hal ini adalah berbeza dengan takrifan konstruk kolektivisme yang menekankan kepada elemen kejelekitan (*cohesiveness*) sebagai pra syarat utama individu berasa tertarik untuk bekerja demi mencapai matlamat diri dan kepuasan bekerja secara kolektif.

Secara umumnya, menurut Fatehi, Priestley, & Taasoobshirazi (2020); Landrine (1992); Williams (2003) makna individualisme dan kolektivisme dapat dilihat dari dua konstruk yang bertentangan di antara satu sama lain. Perbezaan ini dapat ditunjukkan dalam bentuk kontinum yang berfokus kepada matlamat manusia di mana individualisme berfokus kepada individu dan kolektivisme berfokus kepada komuniti (Moon, Travaglino dan Uskul, 2018). Menurut perspektif ini, manusia dan budaya akan ditempatkan di dalam kontinum individualisme-kolektivisme untuk memberi gambaran yang jelas berhubung tahap serta nilai individualisme dan kolektivisme individu tersebut. Kontinum yang memperlihatkan perbezaan kedua-dua konstruk tersebut dapat dilihat dalam rajah di bawah;




Rajah 1. Kontinum individualisme-kolektivisme (Landrine, 1992; Williams, 2003)

Owusu Ansah & Louw (2019) menekankan bahawa kajian yang telah dijalankan terhadap faktor pekerjaan individu dan perkaitan pengaruh budaya dalam konteks individualisme dan kolektivisme mendapati wujudnya perbezaan tersendiri mengikut budaya etnik masing-masing. Menurut Yin Jing (2018) menjelaskan bahawa “individualistic self” merupakan corak pergaulan individu yang terpisah dengan orang lain. Budaya individualistik ini tersebar luas di eropah barat dan amerika utara. Walau bagaimanapun, “socio-centric milieus” yang bertumpu pada masyarakat asia mempertahankan pandangan terhadap konsep kolektivisme yang mengikat individu di antara satu sama lain. Hal ini dapat dilihat menerusi hubungan terhadap keluarga, jiran, dan rakan (Schmidt, 2006). Greenfield (2015) menyatakan bahawa peralihan budaya kolektivisme kepada budaya individualisme menjadi budaya global (trend global) yang jelas dilihat berlaku di amerika apabila individu lebih menekankan penghargaan sendiri dalam aspek psikologi.

Konsep Kegembiraan

Kajian kegembiraan pada suatu ketika dahulu dilihat sebagai komponen kecil dalam bidang psikologi dan kurang mendapat perhatian, namun demikian dalam beberapa dekad kebelakangan ini ia merupakan salah satu cabang penting dalam bidang psikologi dan menjadi tumpuan para penyelidik (Headey et al., 2010). Pada masa kini, indeks kegembiraan manusia menjadi polemik dalam semua lapangan hidup manusia sama ada dalam bidang pekerjaan, akademik, sosial di dalam mahupun di luar negara, manakala pihak pemerintah juga melihat kegembiraan sebagai isu praktikal yang memerlukan penumpuan utama bagi pihak kerajaan dalam meningkatkan taraf hidup dan kesihatan rakyat (Durand & Exton, 2019). Kajian berkaitan kegembiraan mampu menyediakan medium yang menjadi ukuran dan menguji andaian lampau (*old hypothesis*) dalam bentuk dan kaedah yang baru (Peifer et al., 2020). Selain itu, elemen motivasi manusia yang paling utama juga didorong oleh hasrat untuk mencapai kegembiraan. Menurut Peifer et al. (2020), kajian kegembiraan menyediakan pulangan yang besar dari aspek mendapatkan maklumat yang baru dan bermakna berdasarkan dapatan yang diperoleh daripada sumber utama iaitu manusia. Malahan, kegembiraan manusia juga bergantung kepada banyak perkara dan aspek yang subjektif, termasuklah pendapatan, status pekerjaan, perjawatan, kesihatan, pengaruh psikologi, kehidupan berkeluarga serta sosial, nilai moral dan sebagainya (Lopez-Ruiz et al., 2021). Frey dan Stutzer (2002) juga telah mengetengahkan kerangka teoritikal dalam menentukan tahap kegembiraan. Beberapa perkara yang menentukan kegembiraan dikategorikan seperti faktor personaliti, faktor sosio-demografik, faktor ekonomi, dan faktor kontekstual (*contextual factor*) serta faktor institusional (*institutional*). Kerangka teori tersebut adalah seperti rajah berikut;



Rajah 2. kerangka teoritikal dalam menentukan tahap kegembiraan (Frey dan Stutzer, 2002)

Bagi Frey dan Stutzer (2002), faktor personaliti merangkumi asas sendiri (*self-esteem*), kawalan diri (*personal control*), keyakinan (*optimism*), extraversion dan pemikiran (*neurotism*). Faktor sosio-demografi pula merangkumi aspek umur, jantina, status perkahwinan dan tahap pelajaran. Faktor ekonomi pula merangkumi aspek pendapatan individu dan pendapatan agregat, pengangguran dan inflasi. Faktor kontekstual dan situasi yang merangkumi aspek pekerjaan dan persekitaran kerja, termasuk tekanan di tempat kerja, hubungan interpersonal dengan rakan sekerja, keluarga dan rakan-rakan serta suami atau isteri termasuk juga soal situasi hidup dan kesihatan turut mempengaruhi kegembiraan. Faktor institusional (*institutional*) merangkumi aspek penurunan kuasa (*decentralization*) dan hak penglibatan secara langsung seseorang rakyat dalam politik.

Di dalam konteks pekerjaan, bekerja dalam budaya kolektivistik membolehkan seseorang mengharapkan konsep timbal balik ataupun konsep saling membantu terhadap individu yang pernah dibantu dan individu lain. Ini bertujuan untuk mendapatkan kerjasama di antara satu sama lain yang akan melahirkan beberapa elemen positif seperti bersyukur dan menjana emosi positif seperti rasa seronok, selesa dan gembira (Westwood et al., 2004). Selain itu, budaya dalam kolektivistik juga dikatakan mampu menimbulkan sikap prihatin dan ambil berat di antara satu sama lain. Berdasarkan sikap prihatin tersebut individu yang mengamalkan konsep kolektivistik lebih mudah menyesuaikan diri dengan masalah dan tekanan (*stress*) yang dihadapi. Hal ini berbeza dengan individu yang bekerja dalam budaya individualistik yang lebih mementingkan pencapaian dan matlamat diri dalam memberikan mereka kepuasan dan kegembiraan. Individu ini dilihat kurang mengamalkan konsep kerjasama dan saling membantu antara satu sama lain serta tidak mengamalkan konsep timbal balas dalam perhubungan di tempat kerja. Hal ini bertepatan dengan matlamat pencapaian kerja yang berorientasikan kepuasan diri dan memperoleh ganjaran hasil dari usaha diri sendiri (Cervone, 2020).

Sehubungan dengan itu, manusia mempunyai fahaman yang berbeza dalam menjelaskan konsep kegembiraan terhadap diri masing-masing. Oleh itu, konsep individualisme dan kolektivisme merupakan konsep yang memainkan peranan penting dalam hidup manusia untuk mengecapi erti makna kegembiraan yang sebenar. Hal ini berkait rapat

dengan kesempurnaan hidup yang dikecapi dan penghayatan yang mendalam terhadap pengalaman hidup mengikut pendapat masing-masing.

Pengaruh Konsep Budaya Terhadap Kegembiraan

Penekanan aspek individualisme dan kolektivisme dalam mempengaruhi kegembiraan individu telah bermula sejak awal pengkajian berkaitan kegembiraan manusia (Minkov, Welzel dan Schachner, 2020). Malah kajian Thomas & Chambers (1989) secara kualitatif dengan menggunakan kaedah temubual secara mendalam dan soalan 'open-ended' dalam kalangan 100 lelaki dewasa di Britain dan India. Hasil kajian mendapati responden di India dengan budaya kolektivisme mencapai kepuasan melalui keupayaan menjalankan tanggungjawab kepada keluarga, masyarakat dan agama. Manakala responden di Britain lebih tertumpu kepada kawalan agar tidak menempuhi kegagalan dalam hidup. Terdapat kajian yang telah mengenalpasti bahawa individu yang kolektivis cenderung berpengalaman menghadapi tahap rendah kesejahteraan psikologikal berbanding dengan individu yang individualis (Aknin dan Whillans, 2021). Walau bagaimanapun, Rego dan Cunha (2007) menetapkan terdapat beberapa bentuk perbezaan empirikal telah ditemui dalam budaya kolektivis. Perbezaan tersebut mudah "diserap" dalam konteks rasional yang digunakan untuk membuat penilaian, tujuannya, mengikut kesesuaian persekitaran, persekitaran yang sesuai dan mengalami kurang percanggahan budaya. Individu yang bersikap kolektivis akan lebih mengalami kesejahteraan afektif berbanding individu yang bersikap individualistik. Pada pendapat yang sama, Rego dan Cunha (2007) menyatakan suasana organisasi yang kaya dengan keakraban semangat psikologi mengukuhkan kecenderungan kolektivis mengalami kesejahteraan afektif yang lebih besar.

Secara ringkasnya, hipotesis bahawa orang Portugis yang kolektivistik mengalami kesejahteraan psikologikal lebih dari orang Portugis yang individualistik dan hubungan antara kolektivisme dan kesejahteraan afektif dinilai oleh persepsi semangat setiakawan. Walau bagaimanapun, dalam pelbagai situasi kolektivis lebih mempunyai nilai sensitif yang tinggi kepada individu yang berpersepsi individualistik. Selain itu, kajian silang budaya yang dijalankan oleh Yukiko, Vinai dan Shinobu (2004) mendapati budaya di Amerika Utara mengamalkan kegembiraan dengan pencapaian peribadi, individu yang mengamalkan konsep individualistik cenderung untuk meningkatkan pengalaman yang menghasilkan kesan positif di samping mempunyai penghargaan sendiri (*self-esteem*) yang tinggi. Berbeza dengan budaya di Asia Timur kegembiraan adalah perhubungan interpersonal sesama individu yang diamalkan dengan mengekalkan keseimbangan kesan positif dan kesan negatif dalam hubungan sosial.

KESIMPULAN

Hakikatnya, kegembiraan merupakan aspek subjektif bagi setiap manusia dan setiap individu mencari jalan ke arah mencapai kegembiraan dalam kehidupan. Namun begitu, budaya dalam sesuatu masyarakat berperanan penting dalam membentuk diri, sikap, keinginan dan matlamat individu tersebut. Budaya yang berorientasikan individualisme di kalangan masyarakat barat dilihat berbeza dengan ciri masyarakat timur yang lebih mementingkan elemen kolektivisme dalam kehidupan. Masyarakat timur dilihat lebih mementingkan semangat kekitaan (*togetherness*) dan berkerjasama, pembentukan institusi kejiwaan, semangat gotong-royong dan konsep muhibah dalam kalangan masyarakat sebagai pra syarat utama mencapai kegembiraan dan kemaslahatan hidup bersama. Dapatan kajian Steele dan Lynch (2012) menunjukkan individualisme dan kolektivisme menjadi faktor peramal kepada kesejahteraan subjektif (*subjective well-being*) dalam memastikan kegembiraan yang berterusan di China. Oleh itu, faktor peramal individualisme dilihat penting terhadap individu yang bekerja lebih masa (*over time*) manakala faktor peramal kolektivisme dilihat menjadi kurang berkepentingan. Dapatan ini disokong oleh Diener (1995) yang berpendapat bahawa individualisme membawa maksud kebebasan peribadi (*personal freedom*) dan kemampuan untuk meneruskan minat peribadinya yang tersendiri. Walaupun penduduk China mementingkan kolektivisme daripada individualisme demi mencapai kesejahteraan subjektif (Cheung dan Leung, 2007), namun ia telah berubah kepada perspektif individualisme dalam konteks mengejar pembangunan ekonomi negara. Kajian mendapati bahawa Ireland merupakan negara yang mengamalkan budaya individualistik. Fenomena ini dijelaskan berdasarkan individu yang mengamalkan budaya individualistik cenderung untuk lebih efektif dan komited terhadap organisasi berbanding individu yang mengamalkan kolektivistik. Para pengkaji sepakat memberi pendapat bahawa penemuan kajian ini dipengaruhi oleh kesesuaian di antara nilai individu dan nilai budaya nasional (Steele dan Lynch, 2012).

PENGHARGAAN

Kajian ini tidak menggunakan sebarang dana luar untuk proses kajian dan penghasilan artikel.

KONFLIK KECENDERUNGAN

Penulis ingin memaklumkan bahawa tiada sebarang konflik kecenderungan dalam penyediaan hasil kajian ini.

RUJUKAN

Ahn N., Garcia, J.R., & Jimeno, J.F. (2004). The impact of unemployment in individual well-being in the EU. *European Network of Economic Policy Research Institutes*, kertas kerja, 29, 1.

- Ahuvia, A. C. (2002). Individualism/collectivism and cultures of happiness: A theoretical conjecture on the relationship between consumption, culture and subjective well-being at the national level. *Journal of happiness studies*, 3, 23-36.
- Aknin, L. B., & Whillans, A. V. (2021). Helping and happiness: A review and guide for public policy. *Social Issues and Policy Review*, 15(1), 3-34.
- Benedict, R. (2019). *Patterns of culture*. Routledge.
- Cheung, C. K., & Leung, K. K. (2007). Enhancing life satisfaction by government accountability in China. *Social Indicators Research*, 82(3), 411-432.
- Cheng, A.W., Rizkallah, S. and Narizhnaya, M. (2020). Individualism vs. Collectivism. In *The Wiley Encyclopedia of Personality and Individual Differences* (eds B.J. Carducci, C.S. Nave, J.S. Mio and R.E. Riggio).
- Cervone, D. (2020). The role of self-referent cognitions in goal setting, motivation, and performance. In *Cognitive science foundations of instruction* (pp. 57-96). Routledge.
- Oyserman, D., Coon, H. M., & Kimmelmeier, M. (2002). Rethinking individualism and collectivism: evaluation of theoretical assumptions and meta-analyses. *Psychological bulletin*, 128(1), 3.
- Compton, W. C., & Hoffman, E. (2019). *Positive psychology: The science of happiness and flourishing*. Sage Publications.
- Cozma, I. (2011). How are Individualism and Collectivism measured? *Romanian Journal of Applied Psychology*, 13(1), 11-17.
- Diener, E., M. Diener and C. Diener: (1995), Factors predicting the subjective well-being of nations. *Journal of Personality and Social Psychology* 69, 851–864.
- Jatmika, D. (2018). Hubungan budaya individualis-kolektif dan motivasi berbelanja hedonik pada masyarakat kota Jakarta. *Psibernetika*, 10(1).
- Durand, M., & Exton, C. (2019). Adopting a well-being approach in central government: Policy mechanisms and practical tools. *Global Happiness and Wellbeing*.
- Eaton, L., & Louw, J. (2000). Culture and Self in South Africa: Individualism-Collectivism Predictions. *The Journal of Social Psychology*, 140(2), 210-217.
- Etoom, D. (2022). Influence of individualism and collectivism on talent management practices. *International Journal of Cross-Cultural Management*, 22(1), 137-155.
- Fatehi, K., Priestley, J. L., & Taasobshirazi, G. (2020). The expanded view of individualism and collectivism: One, two, or four dimensions? *International Journal of Cross-Cultural Management*, 20(1), 7-24.
- Noordin, F., & Jusoff, K. (2010). Individualism-collectivism and job satisfaction between Malaysia and Australia. *International Journal of Educational Management*, 24(2), 159-174.
- Frey, B. & Stutzer, A. (2002). *Happiness and Economics*. Princeton: Princeton University Press.
- Greenfield, P. M. (2016). Social change, cultural evolution, and human development. *Current Opinion in Psychology*, 8, 84-92.
- Headey, B., Schupp, J., Tucci, I., & Wagner, G.G. (2010). Authentic Happiness Theory supported by Impact of Religion on Life Satisfaction: A Longitudinal Analysis with Data for Germany. *Journal of Positive Psychology*, 5(1), 73-82.
- Hofstede, G. (2005) *Culture and Organizations—Software of the Mind: Intercultural Cooperation and its Importance for Survival* (2nd Eds.). McGraw Hill, New York.
- Ismail Ibrahim. (2021). Hubungan manusia yang unik. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/130824/khas/pendapat/hubungan-manusia-yang-unik>
- Kaul, S. (2007). *Hedonism and Culture: Impact on Shopping Behaviour a Research Agenda*. *Vikalpa: The Journal for Decision Makers*, 32(3), 81–90.
- Kim, T. T., & Lee, G. (2013). Hospitality employee knowledge-sharing behaviors in the relationship between goal orientations and service innovative behavior. *International journal of hospitality management*, 34, 324-337.
- Kim, K. H. (2014). Konflik Silang-Budaya Antara Pekerja Melayu Dan Pekerja Korea Dari Segi Pengelakan Ketidakpastian Dan Orientasi Masa. *e-Journal UM*, 45-61.
- Lopez-Ruiz, V. R., Huete-Alcocer, N., Alfaro-Navarro, J. L., & Nevado-Pena, D. (2021). The relationship between happiness and quality of life: A model for Spanish society. *Plos one*, 16(11), e0259528.
- Ahmad, M. H., & Yussof, K. Y. S. K. M. (2022). Collective Action in Employment Relationships: An Analysis of Cooperative Culture. *Politics and Humanism*, 1(2), 87-97.
- Minkov, M., Welzel, C., & Schachner, M. (2020). Cultural evolution shifts the source of happiness from religion to subjective freedom. *Journal of Happiness Studies*, 21(8), 2873-2888.

- Moon, C., Travaglino, G. A., & Uskul, A. K. (2018). Social value orientation and endorsement of horizontal and vertical individualism and collectivism: An exploratory study comparing individuals from North America and South Korea. *Frontiers in psychology*, 9, 2262.
- Nickerson, C. (2021). Understanding collectivist cultures. *Simply Psychology*.
- Nik Shahrizan Nik Mad, Marzudi Md Yunus, & Muhammad Shamsinor Abdul Azziz. (2021). Aspek dan penilaian kesejahteraan subjektif: kebahagiaan, kegembiraan, kepuasan dan kualiti hidup: the aspects and assessment of subjective well-being: happiness, pleasure, satisfaction and quality of life. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 32(2), 94–111. Retrieved from <https://ojie.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/33183>
- Nordin, H. & Singh, D. (2016). E-Pembelajaran Di Institusi Pengajian Tinggi Dari Perspektif Generasi Y dan Budaya. *AJTLHE*, 8(2), 16-34.
- Oyserman, D., Coon, H. M., & Kemmelmeier, M. (2002). Rethinking individualism and collectivism: Evaluation of theoretical assumptions and meta-analyses. *Psychological Bulletin*, 128, 3-72.
- Owusu Ansah, M., & Louw, L. (2019). The influence of national culture on organizational culture of multinational companies. *Cogent Social Sciences*, 5(1), 1623648.
- Peifer, C., Syrek, C., Ostwald, V., Schuh, E., & Antoni, C. H. (2020). Thieves of flow: how unfinished tasks at work are related to flow experience and wellbeing. *Journal of Happiness Studies*, 21(5), 1641-1660.
- Pflug, J. (2009). Folk Theories of Happiness: A Cross-Cultural Comparison of Conceptions of Happiness in Germany and South Africa. *Social Indicator Journal*, 92, 551-563.
- Rego, A. & Cunha, M. P. (2007). How individualism-collectivism orientations predict happiness in a collectivistic context. *Journal of Happiness Studies*, 10, 19-35.
- Rhee, M., Alexandra, V., & Powell, K. S. (2020). Individualism-collectivism cultural differences in performance feedback theory. *Cross Cultural & Strategic Management*, 27(3), 343-364.
- Ryan, R. M., & Deci, E. L. (2001). On happiness and human potentials: A review of research on hedonic and eudaimonic well-being. *Annual Review of Psychology*, 52, 141–166.
- Schmidt, J. J. (2006). *Social and culture foundations of counseling and human services: Multiple influences on self-concept development*. Boston: Pearson Education, Inc.
- Shadiqi, M. A., Handayani, S. L., Azizah, A. N., Aziza, L. A., & Mayangsari, M. D. (2022). Strong Alone, Stronger Together: The Role of Collectivism, Individualism, Egoism, and Self-Efficacy in the Prosocial Behavior of Flood Volunteers: [Strong Alone, Stronger Together: Peran Kolektivisme, Individualisme, Egoisme, dan Efikasi Diri Pada Perilaku Prososial Relawan Banjir]. *ANIMA Indonesian Psychological Journal*, 37(2), 217-243.
- Spector, P. E., Cooper, C. L., Sanchez, J. I, 23 other authors (2001). Do national levels of individualism and internal locus of control relate to well-being: An ecological level international study. *Journal of Organizational Behavior*, 22, 815–832.
- Steele, L. G., & Lynch, S. M. (2013). The pursuit of happiness in China: Individualism, collectivism, and subjective well-being during China's economic and social transformation. *Social indicators research*, 114, 441-451.
- Steel, P., Taras, V., Uggerslev, K., & Bosco, F. (2018). The happy culture: A theoretical, meta-analytic, and empirical review of the relationship between culture and wealth and subjective well-being. *Personality and Social Psychology Review*, 22(2), 128-169.
- Tseng, W. S., & Hsu, J. (2018). *Culture and family: Problems and therapy*. Routledge.
- Thomas, L.E., & Chambers, K.O. (1989). Phenomenology of life satisfaction among elderly men: Quantitative and qualitative views. *Psychology and Aging*, 4(3), 248-289.
- Triandis, H.C.: (1994), *Culture and Social Behavior*. New York: McGraw-Hill.
- Uchida, Y., Norasakkunkit, V. & Kitayama, S. (2004). Cultural constructions of happiness: theory and empirical evidence. *Journal of Happiness Studies*, 5, 223–239.
- Veenhoven, R. (1999). Quality-of-life in individualistic society: A comparison of 43 nations in the early 1990's. *Social Indicators Research*, 48, 157–186.
- Wang, Y., Hawk, S. T., Tang, Y., Schlegel, K., & Zou, H. (2019). Characteristics of emotion recognition ability among primary school children: Relationships with peer status and friendship quality. *Child Indicators Research*, 12(4), 1369-1388.
- Westwood, R., Chan, A., & Linstead, S. (2004). Theorizing Chinese employment relations comparatively: Exchange, reciprocity and the moral economy. *Asia Pacific Journal of Management*, 21, 365-389.
- Yang, H. L. J., & Li, J. (2008). Construct the model of employees' happiness index. In *Proceedings of 2008 Conference on Regional Economy and Sustainable Development*.
- Yetim, U. (2003). The impacts of individualism/collectivism, self-esteem, and feeling of mastery on life satisfaction among the Turkish university students and academicians. *Social Indicators Research*, 61, 297-317.

- Yin, J. (2018). Beyond postmodernism: A non-western perspective on identity. *Journal of Multicultural Discourses*, 13(3), 193-219.
- Zhang, J., & Han, T. (2023). Individualism and collectivism orientation and the correlates among Chinese college students. *Current Psychology*, 42(5), 3811-3821.